



**TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI DR. NORAINI BINTI AHMAD
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
SEMPENA**

**MAJLIS SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2025
PERINGKAT ZON SELATAN**

**24 FEBRUARI 2025 | ISNIN | 3.00 PETANG
AEON MALL BANDAR DATO' ONN**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera,

dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI DISEDIAKAN)

(A) PENDAHULUAN

Para hadirin sekalian,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul hari ini bagi meraikan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Peringkat Zon Selatan dengan tema “Jiwa Kuat, Wanita Sihat” anjuran Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).
2. Terima kasih diucapkan kepada semua yang hadir pada hari ini kerana kehadiran anda semua memberi semangat kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat khususnya Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) untuk terus memperjuangkan agenda pemerkasaan wanita.

(B) OBJEKTIF

Hadirin yang dihormati,

3. **Hari Wanita Antarabangsa** merupakan platform bagi meningkatkan kesedaran kepada masyarakat di samping mengiktiraf peranan dan sumbangan wanita dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, sosial, politik.
4. Sambutan ini juga bertujuan untuk **menyebarkan pengetahuan tentang cabaran yang dihadapi wanita** hari ini, di samping membuktikan komitmen kerajaan dalam memastikan kepentingan gender menjadi keutamaan dalam perancangan dan pembangunan negara.
5. Bagi tahun ini, KPWKMM mengangkat tema "**Wanita Beraspirasi Membina Legasi**" yang melambangkan wanita yang berusaha dan bercita-cita mencapai sesuatu kejayaan dalam aspek kehidupan, kerjaya dan masyarakat untuk jangka masa panjang dengan tujuan memberikan manfaat kepada generasi akan datang.

6. Hari ini, semakin ramai wanita berjaya dalam pelbagai bidang sama ada kesihatan, pendidikan, kepimpinan, teknologi, keselamatan, dan ekonomi. Namun, kita sedar bahawa perjalanan ini masih jauh, dan perjuangan harus diteruskan bagi memastikan setiap wanita mendapat peluang yang saksama serta bebas daripada sebarang bentuk diskriminasi.
7. Dalam hal ini, kerjasama dari semua pihak sama ada dari sektor swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan individu amatlah penting untuk bersama-sama menyokong usaha Kerajaan dalam menghapuskan keganasan terhadap wanita serta memperkasakan penyertaan mereka dalam membuat keputusan.

(C) SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2025 PERINGKAT ZON SELATAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Bagi menyemarakkan dan menyebarkan kesedaran dalam kalangan masyarakat berkaitan dengan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa tahun 2025, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita mengadakan **sambutan ini di lima lokasi mengikut zon bermula di Zon Borneo, Timur, Selatan, Tengah, dan yang terakhir di Zon Utara.**
9. Hari ini, Pejabat Pembangunan Wanita Negeri **Johor** dan Melaka bersama-sama menjadi **tuan rumah sambutan Zon Selatan** dengan memfokuskan kepada isu berkaitan **Kesejahteraan dan Kesihatan Wanita.**
10. Tahun ini lebih istimewa dengan **adanya kolaborasi bersama 10** rakan-rakan strategik utama iaitu **Pharmaniaga, Decathlon Malaysia, JRM Holistik, Malaysia Milk (Marigold), Skyhill Clinic, Kimberly-Clark Malaysia, AEON Mall, Apollo Food Holdings dan TalentCorp Malaysia.** Selain itu, sambutan ini turut mendapat sokongan daripada **Kelab Wanita Ikon Malaysia Negeri Johor mewakili pihak Badan Bukan Kerajaan.**

11. Dengan itu, saya setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan strategik atas kolaborasi dalam Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 Peringkat Zon Selatan.

(D) KESEJAHTERAAN DAN KESIHATAN WANITA

Hadirin yang saya kasihi,

12. Tema “Jiwa Kuat, Wanita Sihat” ini menggambarkan cabaran yang dihadapi oleh wanita masa kini. Berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023, kira-kira 4.6% atau sejuta penduduk Malaysia berumur 15 tahun ke atas mengalami kemurungan. NHMS 2022 juga melaporkan bahawa 26.9% remaja memenuhi kriteria kemurungan, dengan prevalens lebih tinggi dalam kalangan perempuan (36.1%) berbanding lelaki (17.7%). Hal ini menunjukkan bahawa wanita berisiko dua kali ganda lebih murung daripada lelaki.
13. Justeru itu, kekuatan jiwa dan kesihatan yang baik adalah asas kepada wanita untuk terus mampu berdaya saing, berdaya tahan, seterusnya dapat terus menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan negara.

(E) PERANAN WANITA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

14. Wanita bukan sahaja memainkan peranan sebagai ibu, isteri dan anak, malah turut berperanan menjadi pemimpin, usahawan, serta menyumbang tenaga kerja yang penting dalam memacu ekonomi negara.
15. Tema “Jiwa Kuat, Wanita Sihat” menekankan bahawa kesihatan wanita haruslah seimbang dari segi fizikal, mental dan kesejahteraan emosi. Tekanan di tempat kerja, tanggungjawab keluarga, serta cabaran kehidupan moden boleh memberikan kesan kepada kesejahteraan mental wanita.
16. Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan hak dan kebajikan wanita terbela. Bagi membantu wanita menguruskan tekanan dan mencapai keseimbangan dalam kehidupan, persekitaran yang kondusif seperti Program Sokongan Psikososial dan kaunseling dilaksanakan agar semua wanita mendapat bantuan yang sewajarnya. Selain itu, Jabatan Pembangunan Wanita turut menawarkan program **Meningkatkan Daya Tahan dan Psikologi Wanita** atau singkatannya **MATAHARI**.

17. Program MATAHARI merupakan usaha **meningkatkan kesejahteraan sendiri melalui strategi psikologi, pemikiran positif bagi memastikan emosi yang stabil dan tindakan yang lebih bijak** serta mempromosikan kesedaran pentingnya **kemahiran resiliensi dan adaptasi positif kepada perubahan.**
18. Program ini **dilhamkan mengambil kira penemuan yang menunjukkan kepentingan pengurusan isu kesihatan mental wanita** serta peningkatan tahap tekanan termasuklah susulan impak pandemik COVID-19.
19. Dari segi kesihatan fizikal pula, wanita perlu diberi kesedaran tentang kepentingan mengamalkan gaya hidup yang sihat, pemakanan seimbang, dan pemeriksaan kesihatan berkala. Penyakit seperti kanser payudara dan kanser serviks dapat dicegah dengan saringan awal. Kajian menunjukkan bahawa tahap aktiviti fizikal dalam kalangan wanita bekerjaya adalah rendah, sekali gus meningkatkan risiko penyakit seperti obesiti dan penyakit jantung.
20. Oleh itu, saya menyeru semua wanita agar memberi keutamaan terhadap kesihatan mereka dalam kehidupan seharian.

Para hadirin sekalian,

(F) PENUTUP

21. Hari ini adalah hari untuk kita menghargai setiap wanita yang telah berjuang, yang masih berusaha, dan yang sedang mencipta legasi mereka sendiri. Marilah kita jadikan kejayaan mereka sebagai inspirasi, kerana apabila satu wanita maju, seluruh masyarakat turut berkembang.
22. Sebagai penutup, saya ingin menegaskan bahawa wanita yang memiliki mental, fizikal dan jiwa yang kuat merupakan pemacu pembangunan masyarakat dan seterusnya negara. Oleh itu, marilah kita sama-sama berganding bahu dalam memperjuangkan hak wanita dan menyokong satu sama lain demi kesejahteraan masyarakat dan negara.
23. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya **merasmikan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 Peringkat Zon Selatan.**

Sekian,

Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI DR NORAINI BINTI AHMAD

TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

24 Februari 2025